

UniSZA sedekad

Kuala Terengganu: Pelbagai kejayaan ditempa Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di dalam dan di luar negara dalam tempoh 10 tahun penubuhannya membuktikan universiti terulung di Pantai Timur itu mampu berada dalam kelompok Institut Pengajian Tinggi Awam terbaik di dunia satu masa nanti.

Antara kejayaan dicipta UniSZA apabila memperolehi kejayaan cemerlang pada pertandingan inovasi, British Invention Show 2015 (BIS) di Barbican Exhibition Centre, London.

Penyertaan kali ketiga UniSZA di benua Eropah itu paling membanggakan apabila kontinjen universiti itu membawa pulang tiga pingat emas, dua perak dan satu anugerah khas melalui lima produk yang dipertandingkan.

Seorang lagi penuntutnya iaitu Ju Ariana Ibrahim dari Fakulti Bioteknologi dan Industri Makanan (FBIM) turut membantu UniSZA mencipta nama apabila dia dinobatkan sebagai tokoh siswa 2014 selepas menerima anugerah Menteri Pendidikan Tinggi.

Kejayaan paling manis dicipta UniSZA apabila dua penuntutnya iaitu Muhammad Anas Misbahudin dinobatkan sebagai penerima anugerah tertinggi Anugerah Menteri Pendidikan Tinggi pada majlis Anugerah Tokoh Siswa (ATS) 2015.

Dengan anugerah itu, Ju Ariana Ibrahim dari Fakulti Bioteknologi dan Industri Makanan (FBIM) membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM3,000, piala dan sebuah motosikal.

Selain Ju Ariana, empat penuntut UniSZA turut menerima anugerah iaitu Wan Hazreen Nadia Wan Ismail dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), Intan Lyana Zainal Abidin, dari Fakulti Undang-undang, Perakaunan & Hubungan Antarabangsa, Mohamad Firdaus Ahmad, dari Fakulti Ekonomi Sains Pengurusan dan Muhammad Nur Syazwan Zainudin.

Muhammad Anas penuntut

Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dengan kepujian menerima anugerah selepas hasil daripada kejayaan program UniSZA Merentas Sempadan Acheh dan 1st Malaysian Students Global Policy Symposium 2015.

Beliau juga turut merangkul Anugerah Tokoh Pemimpin Siswa dan Anugerah Pemimpin Program Kepimpinan Terbaik (Terbuka) yang melayakkannya membawa pulang sebuah motosikal berserta wang tunai berjumlah RM7,500 dan trofi serta sijil penghargaan.

Wan Hazreen Nadia menerima anugerah pemimpin kebudayaan terbaik, Intan Lyana pula dinobatkan sebagai penerima anugerah pemimpin Badan Uniform Terbaik, Muhamad Firdaus (anugerah pemimpin Keusahawanan Terbaik) manakala Nur Syazwan memenangi anugerah pemimpin program Sukarelawan Terbaik.

Naib Canselor UniSZA, Profesor Dato' Dr Ahmad Zubaidi Abd Latif, berkata antara kejayaan lain tercipta apabila dua penyelidik iaitu Dr. Syadiyah Nor Wan Shamsuddin dan Dr. Syarilla Iryani turut membantu mengharumkan nama apabila memenangi pingat emas.

Katanya, Dr. Syadiyah Nor penyelidik dari Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) memenangi pingat emas selepas mempertaruhkan produk i-Dyslex iaitu perisian komputer yang dapat mengesan penyakit disleksia di kalangan kanak-kanak.

Manakala pingat emas diperolehi Dr. Syarilla Iryani selepas mengetengahkan produk Tajweed Race iaitu permainan komputer yang secara tidak langsung mengajar hukum tajwid dalam bacaan al-Quran.

Mengenai kualiti bekas penuntut UniSZA, Profesor Dato' Dr. Ahmad Zubaidi yang juga bekas pakar bedah neuro terkemuka negara, berkata kira-kira 10,188 atau 69.50 peratus bekas penuntutnya ditawarkan menjawat jawatan dalam pelbagai bidang di pelbagai agensi kerajaan dalam tempoh 10 tahun mulai 2006 hingga tahun lalu.

Katanya, antara jawatan

diceburi bekas penuntut UniSZA adalah bidang perubatan, pendidikan, perakaunan dan kewangan, pengajian Islam, Teknologi Maklumat (IT) serta reka bentuk.

"Saya amat berpuas hati apabila mendapati bekas graduan diterima untuk berkhidmat dalam pelbagai jawatan dalam bidang terpenting negara termasuk sebagai pegawai perubatan, undang-undang, pegawai pengurusan dan ekonomi serta dalam bidang pengajian Islam.



يونيو سيني سلطان زين العابدين
UNISZA
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

"Ini membuktikan pengajian ditawarkan UniSZA terutamanya dalam bidang penting termasuk perubatan, undang-undang, ilmu pengajian Islam dan pengurusan serta ekonomi diiktiraf oleh Lembaga Akreditasi Negara (LAN).

"Turut membanggakan pengurusan tertinggi UniSZA apabila pensyarah dan profesor diterima menjawat jawatan penting dalam Majlis Profesor Negara (MPN)," katanya.

Profesor Dato' Dr. Ahmad Zubaidi yang memperolehi Ijazah Sarjana Perubatan (Surgeri) dari Universiti Malaya (UM) dan pernah menjadi Felo di Royal College of Surgeon, Edinburgh, United Kingdom (UK), berkata UniSZA juga universiti terulung di Pantai Timur diberi tanggungjawab perkongsian ilmu oleh Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) iaitu badan di bawah

Kementerian Kewangan.

"UniSZA diamanahkan ECER untuk menyelesaikan masalah murid dan pelajar kurang mendapat keputusan cemerlang pada peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"UniSZA diberi tanggungjawab untuk mengendalikannya kursus dan kelas tambahan di empat daerah di negeri ini iaitu Marang, Kemaman, Dungun serta Hulu Terengganu dalam tempoh tiga tahun mulai

2014," katanya.

Profesor Dato' Dr. Ahmad Zubaidi berkata, prestasi keputusan peperiksaan ditunjukkan murid tahun enam dan tingkatan lima amat membanggakan.

"Menjadi harapan saya kepada semua generasi termasuk penuntut UniSZA yang ditanggung sepenuhnya kerajaan untuk meneruskan pengajian sama ada di instansi pengajian dalam atau di luar negara memberi kembali ilmu diperolehi kepada generasi baharu.

"Saya berharap kepada semua penuntut dan pensyarah bersama kami untuk terus membangunkan UniSZA ke tahap yang lebih tinggi supaya dapat bersaing di peringkat antarabangsa terutamanya di negara yang menjadikan Islam sebagai cara hidup," katanya.



12 FAKULTI

FAKULTI BAHASA & KOMUNIKASI

FAKULTI EKONOMI & SAINS
PENGURUSAN

FAKULTI SAINS KESIHATAN

FAKULTI SAINS SOSIAL GUNAAN

FAKULTI PENGAJIAN
KONTEMPORARI ISLAM

FAKULTI BIOSUMBER & INDUSTRI
MAKANAN

FAKULTI PERUBATAN

FAKULTI FARMASI

FAKULTI INFORMATIK &
KOMPUTERAN

FAKULTI REKA BENTUK INOVATIF &
TEKNOLOGI

FAKULTI UNDANG-UNDANG &
HUBUNGAN ANTARABANGSA

FAKULTI PENGAJIAN UMUM &
PENDIDIKAN LANJUTAN

